

# Licik sembunyi aktiviti haram

*Dua pusat siber judi didakwa berselindung di sebalik gerai makan*

Sinar 31/8/12  
M 3 20

**NORAFIZA JAAFAR**

**RAWANG** - Dua pusat siber yang dipercayai menjalankan perniagaan mesin kuda menggunakan taktik berselindung di sebalik gerai makan untuk menutup aktiviti mereka diketahui penguat kuasa.

Perkara itu didedahkan oleh orang awam yang beberapa kali menjamu selera di kedai makan itu apabila hairan melihat ramai orang memasuki kawasan belakang kedai itu.

Kedua-dua kedai itu terletak betul-betul di Pekan Rawang dan kedua-dua perniagaan yang membuka gerai makan itu dipercayai bukan warganegara dan berasal dari India dipercayai diperalat untuk menyembunyikan aktiviti mereka.

Tinjauan *Sinar Harian* ke lokasi berkenaan mendapati,

sebuah premis itu dilengkapi rakaman kamera litar tertutup (CCTV) untuk mengesan sekiranya pihak penguat kuasa membuat operasi.

Manakala, sebuah lagi kedai dilindungi dengan dinding pemisah antara kedai makan dengan pusat siber itu dan di dalamnya turut dipasang CCTV.

Difahamkan, kedua-dua premis itu dilindungi oleh kumpulan gengster menyebabkan tiada pihak berani membuat aduan kepada pihak berkuasa.

Menurut sumber, kedai itu telah beroperasi lebih setahun dan kebanyakan pelanggannya adalah orang tetap dan bukan sembarangan orang boleh memasuki kawasan itu.

Sumber memaklumkan, waktu operasinya tidak tetap

bergantung kepada pekerja yang diupah untuk menjaga premis itu tetapi kebiasaannya akan dipenuhi pelanggan sekitar jam 11 pagi dan ke atas sehingga kadang kala beroperasi hingga lewat malam.

Katanya, beliau berharap supaya polis atau pihak berkuasa menyasat perkara itu kerana yakin ia dijalankan secara haram.

Perkara itu turut dibincangkan semasa mesyuarat bulanan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) baru-baru ini apabila seorang ahli majlis turut mendedahkan aktiviti dan taktik sama yang dijalankan di beberapa kawasan tumpuan seperti Batu Caves dan Sri Gombak.

Ahli majlis memohon supaya penguat kuasa MPS menjalankan siasatan dan operasi bersepadu dengan



**Kedai makan dibiarkan berniaga untuk mengaburi operasi pusat komputer haram di Pekan Rawang.**

polis supaya aktiviti judi itu dapat dihapuskan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Penguat Kuasa dan Keselamatan MPS, Azmi

Ismail berkata, pihakriya telah meneliti beberapa premis yang menjalankan aktiviti dan sedang dalam proses pemantauan.

Katanya, mereka boleh dikenakan kompaun RM1,000 kerana menjalankan pusat siber haram di bawah Seksyen 3 Undang-Undang Tred.